

**Mustapa Tolong Pantau Umno Bachok Sepanjang Awang Adek Jadi Duta
Bernama
July 9, 2014**

BACHOK, 9 Julai (Bernama) -- Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Datuk Seri Mustapa Mohamed akan memantau perkembangan Umno Bahagian Bachok berikutan Ketua Umno Bahagian Datuk Dr Awang Adek Hussain dilantik sebagai Duta Besar Malaysia ke Amerika Syarikat.

Mustapa berkata keputusan itu dibuat berdasarkan permintaan Awang Adek bagi memastikan kegiatan Umno bahagian itu berjalan lancar.

Mustapa yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri berkata Timbalan Ketua Umno Bahagian berkenaan, Datuk Dr Ilias Hussin akan memangku jawatan ketua Umno bahagian itu.

"Ini bermakna tiada pemilihan baharu bagi mengisi jawatan ketua Umno bahagian Bachok," katanya kepada pemberita selepas menunaikan solat Isyak dan Tarawih di Masjid Pak Pura, Beris, Tawang di sini, Selasa malam.

Awang Adek, 59, bekas Timbalan Menteri Kewangan dilantik sebagai Duta Besar Malaysia ke Amerika Syarikat, akhir Mac lepas.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1052330>